

**TOLERANSI AGAMA DAN KEADILAN SOSIAL DI BOSNIA & HERZEGOVINA ERA
PENGUASAAN ‘UTHMANIYYAH ABAD KE-15 HINGGA ABAD KE-17M**
*(Religious Tolerance and Social Justice in Bosnia & Herzegovina during Ottoman era between 15th
until 17th century AD)*

Nur Ainul Basyirah Alias,* Ermy Azziaty Rozali** & Shamsul Azhar Yahya***

Abstrak

Bosnia yang terletak di semenanjung Balkan merupakan sebuah wilayah di bawah pemerintahan kerajaan ‘Uthmaniyyah sejak tahun 1463M. Setelah itu, masyarakat tempatan mula berasimilasi dengan sistem, cara hidup dan budaya yang dibawa oleh mereka. Namun begitu, pemerintah ‘Uthmaniyyah pada ketika itu iaitu Sultan Mehmet II tidak memaksa orang bukan Islam untuk memeluk Islam malah, mereka boleh tetap terus mengamalkan agama dan budaya yang sudah menjadi pegangan mereka. Oleh itu, kajian ini memfokuskan berkaitan toleransi agama dan keadilan sosial yang dipraktikkan oleh pemerintah ‘Uthmaniyyah di Bosnia di antara abad ke-15M sehingga abad ke-17M. Hal ini kerana dua abad tersebut merupakan era terpenting dalam abad awal kerajaan ‘Uthmaniyyah. Kajian ini juga dilakukan dengan menggunakan metode kualitatif yang berbentuk kajian sejarah manakala kaedah pengumpulan data pula menggunakan kaedah analisis dokumen menggunakan pelbagai sumber primer dan sekunder. Kajian ini mendapati bahawa kedua aspek yang dibawa oleh Sultan Mehmet II ini telah membuka ruang kepada agama Islam lebih dikenali dan didekati. Malah, bilangan penduduk tempatan yang memeluk Islam juga semakin bertambah. Selain itu, ia juga memberi impak kepada penduduk Bosnia dalam memberikan kesetiaan dan ketaatan kepada pemerintah ‘Uthmaniyyah. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa toleransi agama dan keadilan sosial ini ditunjukkan dalam bentuk penubuhan institusi wakaf dan pemberian dekri keamanan ‘Ahdname kepada masyarakat tempatan. Secara kesimpulannya, antara faktor kejayaan kerajaan ‘Uthmaniyyah dalam penaklukan Bosnia dan penyebaran Islam pada abad ke-15M ialah disebabkan keterbukaan mereka dari sudut agama dan mendukung konsep keadilan sosial kepada semua individu dalam masyarakat.

Kata kunci: Toleransi Agama, Keadilan Sosial, Bosnia, Kerajaan ‘Uthmaniyyah

Abstract

Bosnia, which is located on the Balkan Peninsula is a territory under the rule of the Ottoman Empire since 1463. After that, local people began to assimilate with the systems, way of life and culture brought by them. However, the Ottoman ruler at that time, Sultan Mehmet II does not force non-Muslims to embrace Islam and they can still continue to practice their own religion and culture. Therefore, this study focuses about religious tolerance and social justice as practiced by Ottoman ruler in Bosnia between 15th century and 17th century. This is because that two centuries were the most significant classical age in the Ottoman Empire. This study was conducted using qualitative methods in the form of historical research and data collection methods used the method of analysis of documents using various primary and secondary sources. The study found that both aspects are taken by Sultan Mehmet II was opened up to Islam more recognizable and approachable. In fact, the number of local residents who converted to Islam has also increased. In addition, it is also an impact on the population of Bosnia to give loyalty and obedience to the Ottoman rulers. The study also shows that religious tolerance and social justice are reflected in the establishment of institutional endowments and grants the peace decree ‘Ahdname to local communities. As a conclusion, among the factors of success in the conquest of Bosnia and the spread of Islam in the 15th century is it’s receptive in terms of religion and upholding the concept of social justice in society.

Keywords: Religious Tolerance, Social Justice, Bosnia, Ottoman Empire

* Nur Ainul Basyirah Alias (corresponding author), Ph.D Researcher, Institute of Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia. Email: ainulmardhiah9@gmail.com.

** Ermy Azziaty Rozali (Ph.D), Associate Professor, Centre for Arabic Studies and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia. Email: ermy@ukm.edu.my.

*** Shamsul Azhar Yahya (Ph.D), Lecturer, Institute of Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia. Email: hjshamsul@ukm.edu.my.

Pengenalan

Nilai seperti toleransi agama dan keadilan sosial sememangnya perlu ada dalam setiap pemerintahan Islam. Kedua-dua perkara ini wajar dilaksanakan apabila pemerintah mempunyai rakyat yang majmuk dan berbilang agama. Ini bagi memastikan keamanan dan kesejahteraan masyarakat serta tidak menimbulkan sebarang konflik yang boleh menggugat kestabilan sesebuah pemerintahan Islam. Oleh itu, toleransi agama yang diamalkan dalam Islam memberi kebebasan kepada semua insan untuk beragama dan beriman dengan apa yang mereka percayai. Namun begitu, toleransi ini bukanlah sehingga mendatangkan kemudharatan kepada umat Islam dan menjadi fitnah kepada agama Islam. Malah, menurut Qaradhawi,¹ toleransi Islam kepada penganut agama lain yakni *zimmi*² termasuklah dari sudut kedudukan kewangan dan pentadbiran. Menurut Khadijah Mohd Khambali & Mohd Herzali,³ konsep toleransi agama dalam Islam bukan berunsurkan paksaan dan penindasan. Malah, Islam menganjurkan umatnya untuk berlaku adil kepada penganut agama lain. Nilai toleransi agama ini juga berasaskan prinsip universal dan *mahabbah* (kasih sayang) sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat baginda.

Manakala, dalam membincangkan berkaitan keadilan sosial, terdapat tiga perkara penting yang menjadi asas yang membangunkannya. Pertama, kebebasan jiwa yang mutlak seterusnya kesamarataan yang menyeluruh dari aspek kemanusiaan dan asas ketiga ialah jaminan sosial yang utuh.⁴ Walaupun istilah keadilan sosial selalu sahaja dikaitkan dengan ekonomi dan keadilan dalam pembahagian harta, ia tidak hanya tertakluk kepada hal tersebut sahaja malah mencakupi aspek yang lebih besar. Hal ini demikian kerana keadilan sosial berasal daripada konsep keadilan yang bermaksud meletakkan sesuatu di tempat yang sewajarnya.⁵ Selain itu, Mohamad Zarifi & Taqwa⁶ menjelaskan bahawa nilai keadilan sosial merupakan salah satu komponen penting bagi menjayakan model sesebuah kerajaan yang adil dan beramanah dalam tadbir-urus. Konsep nilai ini mengangkat elemen kesamarataan perihal kemasyarakatan yang melibatkan semua individu dari segi hak dan tanggungjawab dalam ruang lingkup yang betul dan sesuai bagi semua lapangan masyarakat. Seluruh individu dalam masyarakat mempunyai hak kemanusiaan tidak mengira jantina, bangsa, agama, warna kulit dan latar belakang keturunan.

Kedua-dua nilai ini turut dilaksanakan dalam penaklukan dan penguasaan wilayah Bosnia & Herzegovina oleh kerajaan 'Uthmaniyyah pada abad ke-15M hingga abad ke-17M. Trakic⁷ menerangkan bahawa dalam tempoh ini Bosnia & Herzegovina berkembang pesat menjadi pusat budaya, pendidikan dan perdagangan. Dua abad ini difokuskan kerana ini merupakan era kegemilangan kerajaan 'Uthmaniyyah sebelum ia mengalami kemerosotan lebih-lebih lagi melibatkan penguasaan di wilayah Balkan dan sistem yang berkaitan dengannya. Wilayah Bosnia & Herzegovina ini yang terletak di semenanjung Balkan⁸ adalah suatu kawasan di Timur Eropah yang sangat ingin dikuasai oleh kerajaan 'Uthmaniyyah. Hal ini disebabkan, semenanjung Balkan merupakan pintu masuk untuk ke negara-negara Eropah yang lain seperti Austria, Itali dan Perancis. Menurut Seyhan,⁹ terdapat beberapa faktor yang mendorong penguasaan Semenanjung Balkan oleh pemerintah 'Uthmaniyyah antaranya ialah:

- 1) Semenanjung Balkan merupakan pintu masuk untuk memindahkan kebudayaan Islam Turki ke negara-negara Barat.
- 2) Penguasaan Semenanjung Balkan dapat mengawal ancaman dari Barat

¹ Yusuf Qaradhawi (1996), *al-Aqaliyyat al-diniyyah wa hal al-Islami*, Kaheerah: Maktabah Wahbah, h. 56.

² Orang yang bukan beragama Islam tetapi duduk di bawah naungan kerajaan Islam dan tidak menentang pemerintahan Islam.

³ Khadijah Mohd Khambali Hambali dan Mohd Herzali Mohd Haled (2008), "Toleransi beragama dan amalannya di Malaysia: rujukan kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia," *Jurnal Penyelidikan*, Bil. 27, h. 81-92.

⁴ Syed Qutb (1993), *al-Adalah al-ijtima'iyah fi al-Islam*, Beirut: Dar al-Shuruk, h. 32.

⁵ 'Umar Ahmad Kasule (2008), *Pursuit of human dignity and justice: Islamic alternative values to human right*, Kuala Lumpur: A.S. Nordeen, h.91.

⁶ Mohamad Zarifi bin Haji Mohamad Daud dan Taqwa bt Zabidi (2009), "Petunjuk-petunjuk keadilan sosial," *Jurnal Penyelidikan Islam*, Bil. 22, h. 117-138.

⁷ Adnan Trakic (2012), "The Legal and Administrative Analysis of Waqf in Bosnia and Herzegovina," <http://waqfadecademy.org/wp-content/uploads/2013/03/Adnan-Trakic-AT.-Date.-Legal-and-Administrative-Analysis-of-Waqf-in-Bosnia-Herzegovina.-Malaysi.pdf>

⁸ Wilayah di Timur Eropah disebut oleh orang 'Uthmaniyyah sebagai Semenanjung Balkan yang bermaksud gunung-ganang. Ia merujuk kepada wilayah tersebut yang dikelilingi oleh gunung-ganang dari pelbagai arah.

⁹ Ayse Seyhan (2018), "Conquest of Bosnia in the light of Ottoman chronicles," *Journal of Ottoman Civilization Studies*, Bil. 4, No. 7, h. 152-161.

3) Kesuburan tanah di Semenanjung Balkan yang penting untuk sumber ekonomi kerajaan 'Uthmaniyyah

Bagi menakluk wilayah ini, banyak peperangan yang berlaku di antara tentera 'Uthmaniyyah dengan tentera Salib dari Semenanjung Balkan.¹⁰ Jika dilihat dengan teliti, pemerintah kerajaan 'Uthmaniyyah yang mula-mula melakukan perluasan kuasa di bahagian Eropah ialah Sultan Murad I¹¹ walaupun usaha itu telah dimulakan seawal pemerintahan Sultan 'Uthman I¹² lagi. Usaha ini dilakukan secara berterusan oleh setiap sultan yang memerintah selepas beliau.

Kemaraan tentera 'Uthmaniyyah dalam menguasai sebahagian besar kawasan Timur Eropah yang dimiliki oleh empayar Byzantine adalah berpunca daripada konflik dalaman dan kerosakan dalam pemerintahan pusat mereka sendiri. Malah, ia turut disebabkan oleh ancaman luar daripada orang-orang Serbia dan Bulgaria di wilayah Balkan. Pada waktu yang sama, wujud kontroversi sosial dan permasalahan agama yang berlaku seterusnya menjadi penyumbang kepada bibit-bibit kekalahan mereka di tangan tentera 'Uthmaniyyah.¹³ Melalui penguasaan ini, beberapa negara dalam wilayah Balkan termasuk Bosnia & Herzegovina secara rasminya mempunyai hubungan diplomatik dan ekonomi dengan kerajaan 'Uthmaniyyah. Menurut Akgunduz & Ozturk,¹⁴ kekuasaan kerajaan 'Uthmaniyyah dikagumi dan digeruni oleh orang-orang Kristian sejak permulaan tindakan mereka untuk mengembangkan kuasa ke kawasan Eropah. Hal ini mungkin kerana pergerakan mereka untuk meluaskan kekuasaan di kawasan Eropah sangat pantas dan berstrategi dalam peperangan.

Usaha Penaklukan Bosnia Pada Tahun 1386M Sehingga Tahun 1463M

Sebelum penaklukan Bosnia pada 1463M, kerajaan 'Uthmaniyyah sudah beberapa kali melakukan serangan ke atas wilayah tersebut. Menurut catatan sejarah, tentera 'Uthmaniyyah mula menyerang wilayah Bosnia pada tahun 1386M. Situasi itu menjadikan penduduk tempatan mula berpindah keluar dari rumah mereka bagi menyelamatkan diri. Kebanyakan mereka mengambil keputusan berhijrah ke Ragusa¹⁵ dan menetap di bandar Ston. Di wilayah Herzegovina pula mula diserang oleh tentera 'Uthmaniyyah pada tahun 1388M. Namun, tentera 'Uthmaniyyah berjaya dikalahkan oleh pemerintah tempatan iaitu Vlatko Vuković dan tenteranya pada ketika itu.¹⁶

Walaupun begitu, kekalahan ini tidak mematahkan semangat tentera 'Uthmaniyyah untuk menguasai wilayah Bosnia. Buktinya pada tahun 1415M bandar Sarajevo dapat ditakluk oleh tentera 'Uthmaniyyah yang diketuai oleh Gazi Ishak Beg.¹⁷ Melalui penguasaan ini, kerajaan 'Uthmaniyyah mula mengukuhkan kedudukannya di Bosnia dan merancang strategi untuk mengalahkan pemerintah di sana. Rentetan daripada penguasaan Sarajevo, sedikit demi sedikit tentera 'Uthmaniyyah berjaya menguasai bahagian Timur Bosnia pada pertengahan abad ke-15M. Setelah itu, mereka mula menguasai sebahagian kecil Herzegovina. Akhirnya, pada tahun 1463M tentera 'Uthmaniyyah yang dipimpin oleh Sultan Mehmet II¹⁸ berjaya mengalahkan Stjepan Tomašević,¹⁹ Raja Bosnia yang terakhir.²⁰

¹⁰ Halil Inalcik (2017), *The Ottoman Empire and Europe: The Ottoman Empire and its place in European history*, Istanbul: Kronik Books, h. 12.; Yunus Uğur (2009), "Edirne," Agoston, G. dan Master, B. (ed), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts On File, Inc., h. 196.

¹¹ Sultan Murad I merupakan sultan yang memerintah kerajaan 'Uthmaniyyah antara tahun 1326M sehingga tahun 1389M. Beliau digelar sebagai Hudavendigâr yang bermaksud pemerintah. Dalam pemerintahannya, kerajaan 'Uthmaniyyah berjaya mengalahkan tentera Salib dalam Perang Kosovo.

¹² Pengasas kerajaan 'Uthmaniyyah yang muncul di wilayah Anatolia (Turki sekarang). Beliau merupakan anak lelaki kepada Ertughrul. Beliau merupakan seorang yang berani dan hebat dalam peperangan. Gelaran sultan hanya digunakan setelah beliau meninggal dunia kerana beliau hanya menggelarkan dirinya sebagai *Emir, Kara 'Uthman* dan *Fahruddin*.

¹³ Nihat Çelik (2010), "The Black Sea and the Balkans under Ottoman rule," *Karadeniz Araştırmaları*, Bil. 6, No. 24, h. 12.

¹⁴ Ahmet Akgündüz dan Said Öztürk (2011), *Ottoman History Misperceptions and Truth*, Istanbul: IUR Press, h. 50.

¹⁵ Nama lama bagi wilayah Dubrovnik di Semenanjung Balkan.

¹⁶ Emir O. Filipović (2017), "The Ottoman conquest and the depopulation of Bosnia in the fifteenth century," Rudić, R. dan Aslantaş, S. (ed), *State and Society in the Balkans before and after establishment of Ottoman rule*, Belgrade: The Institute of History Belgrade, h. 84.

¹⁷ Ahmet Akgündüz dan Said Öztürk (2011), *Ottoman History Misperceptions and Truth*, Istanbul: IUR Press, h. 77.

¹⁸ Beliau turut digelar sebagai *al-Fatih* kerana merupakan pemerintah Islam pertama yang dapat menakluk Kota Konstantinople pada 29 Mei 1453M. Beliau menaiki takhta menjadi sultan kerajaan 'Uthmaniyyah sebanyak dua kali iaitu pada usianya 14 tahun tetapi diganti semula oleh ayahandanya Sultan Murad II. Kemudian, beliau kembali menaiki takhta pada tahun 1451M menggantikan ayahandanya yang mangkat.

¹⁹ Beliau merupakan Raja Bosnia yang memerintah antara tahun 1461M-1463M sebelum wilayah tersebut jatuh kepada kerajaan 'Uthmaniyyah.

²⁰ Emir O. Filipović (2017), "The Ottoman conquest and the depopulation of Bosnia in the fifteenth century," Rudić, R. dan Aslantaş, S. (ed), *State and Society in the Balkans before and after establishment of Ottoman rule*, Belgrade: The Institute of History Belgrade, h. 91.

Penaklukan Bosnia dan Herzegovina ini tidak melalui proses yang lama dan menyulitkan seperti yang berlaku di Serbia dan beberapa negara lain dalam Semenanjung Balkan. Hal ini kerana, sebahagian kecil daripada masyarakat di sana sudah pun memeluk Islam dan menerima pemerintah kerajaan ‘Uthmaniyyah untuk menjadi pemimpin mereka. Penaklukan ini menyebabkan rasa takut kepada penduduk tempatan seperti komuniti Vlachs dan mereka yang menyokong Raja Bosnia ketika itu. Berikutan situasi ini, ramai antara mereka yang berpindah keluar dari wilayah tersebut dan menetap di Ragusa sebagai pelarian.²¹ Penduduk Bosnia memilih satu antara tiga cara mereka mengekalkan kehidupan selepas penaklukan ‘Uthmaniyyah sama ada keluar dari Bosnia; atau tetap tinggal di Bosnia tetapi menukar fahaman agama mereka kepada Ortodoks; atau tetap tinggal di Bosnia dan memeluk Islam.

Setelah berakhir pemerintahan kerajaan Bosnia, Sultan Mehmet II telah melakukan beberapa perkara penting dalam pentadbiran contohnya melantik Minnetoğlu Mehmet Bey sebagai pegawai yang bertanggungjawab terhadap wilayah tersebut. Beliau juga melantik beberapa orang *kadis* (hakim) dan beberapa pegawai lain untuk hal ehwal perlombongan. Selain itu, beliau mula menguatkuasakan undang-undang membayar cukai *jizyah* bagi rakyat di Bosnia. Kemudian, beliau kembali semula ke Istanbul. Kepulangan Sultan Mehmet II ke Istanbul memberikan kesempatan kepada pemerintah Kristian dari Venetian,²² Hungary dan Albania untuk bergabung dan merampas semula wilayah Bosnia dan Mora yang sudah dikuasai ‘Uthmaniyyah. Istana Yayçe ditawan semula oleh Raja Hungary, Matthias Corvinus yang turut serta dalam perang ini. Hal ini menyebabkan Sultan Mehmet II menyediakan persiapan perang yang lebih lengkap untuk menakluk kembali keseluruhan Bosnia dan menyerang wilayah Hungary.²³

Menurut Seyhan,²⁴ tentera ‘Uthmaniyyah seramai 50,000 orang dengan kelengkapan perang dan keupayaan yang lengkap menuju ke Yayçe. Pada ketika ini, tentera ‘Uthmaniyyah mengalami kesulitan dalam penaklukan ini kerana berhadapan dengan faktor salji yang menyukarkan pergerakan mereka. Panglima perang ‘Uthmaniyyah, Mahmud Pasha meminta bantuan seorang Kristian yang mahir dengan selok belok kawasan tersebut untuk menghantar pesanan dan tawaran berupa wang dan manfaat kepada penduduk di dalam kawasan istana yang dikepung. Setelah berjaya menghampiri istana Yayçe, tentera ‘Uthmaniyyah mendapati bahawa tentera Hungary sudah pun berundur. Namun begitu, Mahmud Pasha masih mengejar mereka sehingga ke kawasan Sava dan menawan ramai antara mereka disana. Dengan kekalahan Raja Hungary, wilayah Bosnia kembali di bawah pemerintahan kerajaan ‘Uthmaniyyah buat kali yang kedua. Peristiwa ini disusuli dengan penaklukan keseluruhan Herzegovina pada 1482M dan bermulanya penguasaan total kerajaan ‘Uthmaniyyah ke atas wilayah tersebut.

Faktor Penaklukan Bosnia Pada Tahun 1463M

Jika diteliti, antara sebab kerajaan ‘Uthmaniyyah ingin melakukan penguasaan ke atas wilayah Bosnia ialah kerana ia merupakan laluan penting untuk ekspedisi perang menentang Venetian di samping ia merupakan satu tindak balas kepada tindakan wilayah tersebut yang bergabung dengan wilayah Kristian Barat yang lain untuk menentang ‘Uthmaniyyah. Selain itu, Sultan Mehmet II turut ingin menyebarkan dakwah Islam dan membawa keamanan di sana. Tidak dinafikan faktor lainnya juga ialah kerana wilayah Bosnia ini kaya dengan aktiviti perlombongan emas dan perak.²⁵ Semua faktor ini menjadikan Sultan Mehmet II semakin bercita-cita untuk menjadikan Bosnia sebagai wilayah penting dalam Semenanjung Balkan. Menurut Seyhan,²⁶ pencetus kepada penaklukan Bosnia pada 1463M adalah berpunca daripada beberapa sebab iaitu:

- 1) Keengganan Raja Stjefan Tomašević untuk membayar ufti berupa wang tahunan sebanyak 50,000 syiling emas kepada Sultan Mehmet II. Ufti ini juga diambil daripada wilayah Serbia dan Albania.

²¹ Ibid., h. 84-85.

²² Orang-orang dari Venice, Austria.

²³ Ayşe Seyhan (2018), “Conquest of Bosnia in the light of Ottoman chronicles,” *Journal of Ottoman Civilization Studies*, Bil. 4, No. 7, h. 157-158.

²⁴ Ibid., h. 159-160.

²⁵ Ibid., h. 154.

²⁶ Ibid., h. 153-154.

- 2) Cubaan membunuh utusan kerajaan 'Uthmaniyyah dan menjadikannya tahanan sementara. Cubaan membunuh ini dibatalkan setelah Raja Stjepan Tomašević setelah mendapat nasihat daripada menteri beliau.
- 3) Raja Stjepan Tomašević mengabaikan tawaran perdamaian yang diberikan oleh kerajaan 'Uthmaniyyah. Hal ini kerana beliau yakin mendapat pertolongan daripada pemerintah Hungary.
- 4) Pergolakan dan kekacauan yang dimulakan oleh Raja Stjepan Tomašević kerana beliau memaksa rakyatnya memeluk agama Kristian Katolik. Hal ini menyebabkan golongan elit Bosnia turut mengalu-alukan kedatangan pemerintah 'Uthmaniyyah.

Situasi-situasi ini menjadi faktor Sultan Mehmet II menghantar tentera 'Uthmaniyyah untuk menyerang wilayah Bosnia. Perancangan ini dilakukan pada musim salji tahun 1463M. Seramai 150,000 orang tentera dikerahkan menuju ke wilayah tersebut pada musim bunga tahun yang sama. Setelah menawan Istana Yayçe dan mengalahkan Raja Stjepan Tomašević, Sultan Mehmet II mengarahkan raja Bosnia tersebut dihukum mati bersama dengan dua pemimpin lain. Hal ini diputuskan selepas beliau mengadakan perbincangan dengan seorang tentera 'Uthmaniyyah, Sheikh Ali Bistami.²⁷

Penaklukan ini juga dibantu oleh beberapa faktor seperti sokongan dan bantuan orang Bogomil terhadap kerajaan 'Uthmaniyyah walaupun ketika itu mereka di bawah pemerintahan Raja Stjepan Tomašević. Mereka ini yang terdiri daripada para petani dan orang penting dalam masyarakat turut menyokong kedatangan tentera 'Uthmaniyyah ke Bosnia. Jika dilihat dengan teliti, peranan golongan Bogomil²⁸ bukan sahaja membantu tentera 'Uthmaniyyah dalam penaklukan Bosnia, malah mereka turut memeluk Islam setelah itu secara sukarela.²⁹ Hal ini disebabkan keadaan mereka yang ditindas dan didiskriminasi oleh pihak gereja Katolik serta raja Bosnia sehingga ada yang keluar dari Bosnia dan menjadi pelarian. Lalu, mereka memohon bantuan daripada kerajaan 'Uthmaniyyah untuk membantu mereka.³⁰

Toleransi Agama dan Keadilan Sosial Dalam Pemerintahan Kerajaan 'Uthmaniyyah di Bosnia Antara Abad ke-15M hingga Abad ke-17M

Sebelum kerajaan 'Uthmaniyyah menguasai Bosnia, wilayah itu sememangnya mempunyai komposisi penduduk yang berbilang bangsa dan mereka menganut pelbagai fahaman agama. Hal ini dijelaskan dalam penulisan Wynne³¹ yang menyatakan wilayah Bosnia dibanjiri oleh golongan Slav yang berpindah pada abad ke-5M. Seterusnya, pada abad ke-7M golongan Croat dan Serbs turut berpindah ke wilayah tersebut. Berikutan daripada itu, Bosnia menjadi kawasan yang mengalami percampuran etnik dan perbezaan budaya dan agama. Sebagai contoh, menurut Baumann et. al³² dari sudut kepercayaan dan literatur, golongan Croat dan Serb ini mempunyai pegangan agama serta tulisan yang berbeza. Bagi golongan Croat, mereka mengamalkan ajaran Kristian Katolik dan menulis dalam tulisan Latin. Manakala, golongan Serb lebih selesa mengamalkan ajaran Kristian Ortodoks dan menulis dalam tulisan Cyrillic.³³ Walaupun terdapat perbezaan, namun mereka hidup dengan harmoni malah masing-masing berkongsi dialek dan bahasa yang hampir sama.

Melalui penghijrahan orang-orang 'Uthmaniyyah ke Bosnia pada abad ke-15M, wilayah tersebut mula didiami oleh bangsa Turki.³⁴ Situasi ini menyebabkan pertambahan bilangan etnik, bangsa dan

²⁷ Ibid., h. 157.

²⁸ Golongan Bogomil merupakan satu pecahan daripada golongan Kristian yang muncul di Bosnia pada abad ke-12M dan menjadi ajaran yang diikuti ramai penduduk di Semenanjung Balkan. Fahaman Bogomil berlainan daripada Kristian Ortodoks dan Katolik kerana mereka menolak perkara berkaitan kesatuan tuhan, penjelmaan Jesus, tradisi Ortodoks seperti pembaptisan, pengakuan dan penggunaan simbol salib. Oleh kerana itu, golongan Bogomil dianggap sebagai terpesong dan didiskriminasi di Bosnia. Rujuk penulisan Anton Minkov (2004) dalam *Conversion to Islam in the Balkans: Kiseve Bahasi petitions and Ottoman Social Life, 1670-1730*, h. 105-109.

²⁹ Neşe Özden (2007), "A few remarks on the history of Bosnia," *Osmanlı Tarihi Araştırma ve Uygulama Merkezi OTAM*, Bil. 21, No. 21, h. 59-68.

³⁰ Sanja Kadrić (2017), "The Islamisation of Ottoman Bosnia: Myths and matters," dalam A.C.S. Peacock (ed.), *Islamisation comparative perspectives from history*, Edinburgh: Edinburgh University Press Ltd, h. 279.

³¹ Stephen A. Wynne (2011), "Multi-confessionalism in medieval and Ottoman Bosnia-Herzegovina," <http://www.culturaldiplomacy.org/culturaldiplomacynews/participant-papers/2011-11-lihrc/MULTI-CONFESSIONALISM-IN-MEDIEVAL-AND-OTTOMAN-BOSNIA-HERZEGOVINA-Mr.-Stephen-A.-Wynne.pdf>

³² Robert F. Baumann, George W. Gawrych dan Walter E. Kretchik (1952), *Armed peacekeepers in Bosnia*, Kansas: Combat Studies Institute Press, h. 4.

³³ Tulisan Cyrillic merupakan tulisan yang kini diguna pakai oleh negara Rusia.

³⁴ Emir O. Filipović (2017), "The Ottoman conquest and the depopulation of Bosnia in the fifteenth century," dalam Rudić, R. dan Aslantaş, S. (ed), *State and Society in the Balkans before and after establishment of Ottoman rule*, Belgrade: The Institute of History Belgrade, h. 91.

pegangan agama dalam wilayah tersebut. Walaupun begitu, pemerintah ‘Uthmaniyyah tidak memaksa penduduk tempatan yang bukan beragama Islam untuk memeluk Islam dan rumah ibadat mereka juga tidak dimusnahkan. Dalam isu tanah turun temurun bagi golongan bangsawan, kerajaan ‘Uthmaniyyah memberikan hak pemilikan kepada mereka walaupun mereka tidak memeluk Islam.³⁵ Keadaan ini merupakan kesan daripada perjanjian Sultan Mehmet II dengan masyarakat di Bosnia. Ia juga turut selari dengan isi kandungan deklarasi keamanan dalam pemerintahan Islam yang mengambil kira tiga elemen penting iaitu jaminan keselamatan diri, harta dan kebebasan beragama setiap individu bukan Islam dalam wilayah taklukan.³⁶

Selain itu, perubahan yang dibawa oleh gabenor ‘Uthmaniyyah ke atas bandar Sarajevo telah menarik perhatian penduduk tempatan dalam proses Islamisasi yang berlaku. Seiring pembangunan yang dilakukan oleh kerajaan ‘Uthmaniyyah, proses ini juga jelas terjadi di bandar-bandar penting yang lain di Bosnia pada abad ke-17M. Ini boleh dilihat melalui kadar perpindahan yang meningkat dari kalangan penduduk luar bandar ke kawasan yang dibangunkan oleh kerajaan ‘Uthmaniyyah. Di samping itu, turut berlaku pertambahan orang Islam di bandar-bandar tersebut kerana penduduk setempat yang memeluk Islam. Namun, di kawasan yang mempunyai gereja seperti di Fojnica dan Kreševo tidak mengalami keadaan ini.³⁷

Bagi membuktikan Islam merupakan agama yang sangat toleransi dalam beragama, kerajaan ‘Uthmaniyyah dalam melaksanakan dasar dan polisi kepada wilayah takluknya telah mewujudkan perjanjian deklarasi keamanan yang disebut sebagai ‘*Ahdname*. Menurut Bostan,³⁸ perjanjian ini diberikan kepada rakyat sesebuah wilayah taklukan yang berjanji untuk menjamin keamanan mereka, perlindungan daripada musuh, kebebasan dalam mengamalkan agama, adat dan undang-undang mereka. Setelah itu, mereka bebas mendapatkan hak-hak dalam beragama dan juga keselamatan mereka turut dijamin oleh pemerintah. Selain itu, fungsi ‘*Ahdname* ini juga turut digunakan dalam urusan perdagangan dengan wilayah orang bukan Islam (*Dar al-Harb*) seperti yang berlaku di antara kerajaan ‘Uthmaniyyah dengan pedagang Venetian.

Sebahagian mereka turut memperoleh dokumen deklarasi keamanan (*Ahdname*) yang termeterai sejak tahun 1463M lagi seperti contoh, golongan Kristian Katolik Franciscan. Deklarasi keamanan itu diserahkan kepada Andeo Zvizdović, ketua paderi bagi orang Kristian Katolik Franciscan di Bosnia pada 28 Mei 1463M di Kem Tentera Milodraž iaitu sebelum Bosnia dapat ditakluk. Isi kandungan deklarasi keamanan ini termasuklah perkara berkaitan hak kebebasan untuk tinggal di mana sahaja serta kebebasan mempraktikkan amalan agama mereka. Di samping itu, sesiapa sahaja tidak dibenarkan untuk memusnahkan gereja mereka termasuklah pegawai ‘Uthmaniyyah. Selain itu, bagi mereka yang telah keluar dari wilayah tersebut dan ingin kembali ke Bosnia maka kedatangan mereka sangat dialu-alukan tanpa rasa takut. Malah, mereka perlu dilindungi dari sudut harta dan nyawa. Mereka juga turut dibenarkan untuk membawa orang asing masuk ke wilayah Bosnia.³⁹ Impaknya, ia dapat mengekalkan kestabilan wilayah yang baru ditakluk serta memastikan mereka tidak menjadi satu ancaman kepada kerajaan ‘Uthmaniyyah.

Demi memastikan jaminan keselamatan ini dikekalkan kepada penduduk bukan Islam di bawah pemerintahan kerajaan ‘Uthmaniyyah, pemerintah berterusan memperbaharui perjanjian tersebut. Antaranya ialah dekri keamanan yang diperoleh Andeo Zvizdović daripada Skender Paše pada tahun 1484M yang berfungsi untuk mengesahkan kembali ‘*Ahdname* Sultan Mehmet II yang lalu.⁴⁰ Kemudian, pada tahun 1626M pula satu dokumen direkodkan iaitu Berat-i Šerif untuk memastikan keselamatan orang Kristian di bawah pemerintahan Sultan Murad IV.⁴¹ Begitu juga dengan perjanjian

³⁵ Halil Inalcik (1954), “Ottoman methods of conquest,” *Studia Islamica*, No. 2, h. 116-117.

³⁶ Maher Y. Abu-Munshar (2010), “Did ‘Umar ibn al-Khattab act against Islam: Banu Taghlib tribe as a case study,” *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil. 5, h. 25.

³⁷ Sanja Kadrić (2017), “The Islamisation of Ottoman Bosnia: Myths and matters,” dalam A.C.S. Peacock (ed.), *Islamisation comparative perspectives from history*, Edinburgh: Edinburgh University Press Ltd, h. 278-279.

³⁸ Zeynep Bostan (2011), *An Analysis On The Ahdname Practice of The Ottoman Unilateral Diplomacy*, Tesis Sarjana, University of Leicester, h. 10.

³⁹ Manuskrip ‘*Ahdname* Sultan Mehmet II di Muzium Gereja Fojnica, Bosnia & Herzegovina. Lawatan pengkaji pada 6 April 2019 ke Muzium dan Gereja Fojnica, Bosnia & Herzegovina.

⁴⁰ Manuskrip *Bujrultija Skender Paše, pisana 1484 (bosanšica)* di Muzium Gereja Fojnica, Bosnia & Herzegovina. Sumber pengkaji pada 6 April 2019.

⁴¹ Manuskrip *Berat-i Šerif 1626* di Muzium Gereja Fojnica, Bosnia & Herzegovina. Sumber pengkaji pada 6 April 2019.

Toleransi Agama dan Keadilan Sosial di Bosnia & Herzegovina Era Penguasaan 'Uthmaniyyah pada 1638M yang turut menjamin aktiviti dan pergerakan orang bukan Islam, kebebasan dalam cukai serta perlindungan keselamatan daripada penyamun.⁴²

Selain itu, sistem *Millet* yang diperkenalkan oleh kerajaan 'Uthmaniyyah merupakan bukti nilai toleransi kepada masyarakat bukan Islam. Sistem ini menjadikan komuniti agama yang mempunyai ketua masing-masing mempunyai hak autonomi⁴³ dalam menetapkan undang-undang dan pentadbiran yang bebas. Mereka juga dapat mengamalkan amalan agama masing-masing di samping perlu menghormati pemerintah 'Uthmaniyyah dan membayar cukai. Ini memperlihatkan keunikan masyarakat yang berbilang seperti Yahudi, Kristian dan Muslim tinggal di bawah pemerintahan Islam selama empat abad di Bosnia.⁴⁴ Seterusnya, mereka bekerjasama dalam membangunkan wilayah tersebut dengan berkongsi kepelbagaian budaya dan keistimewaan masing-masing.

Namun begitu, terdapat pandangan negatif berkaitan toleransi agama dan praktis keadilan sosial di Bosnia oleh kerajaan 'Uthmaniyyah. Menurut Schlesinger,⁴⁵ sistem *Millet* merupakan satu sistem yang tidak memberikan hak yang sebenar kepada masyarakat 'Uthmaniyyah yang bukan beragama Islam dan hanya menjaga kepentingan orang Islam semata-mata. Pandangan ini berbeza dengan Özden⁴⁶ yang menjelaskan sistem *Millet* ini berkait dengan hubungan undang-undang dan pentadbiran di antara kerajaan 'Uthmaniyyah dengan komuniti keagamaan yang sedia ada. Ia tidak bermaksud kepada mengabaikan golongan lain selain Islam atau memaksa orang bukan Islam untuk memeluk Islam.

'*Ahdname* yang diberikan di Bosnia memberikan kelebihan untuk agama Islam bertapak di wilayah tersebut. Agama Islam yang tersebar luas selepas penaklukan wilayah Bosnia menjadi sebab kepada pengamalan budaya Islam seperti wakaf. Jika dilihat, kerajaan 'Uthmaniyyah terkenal dalam melaksanakan amalan wakaf di wilayah taklukannya.⁴⁷ Pelaksanaan wakaf ini berkait rapat dengan soal kebajikan dan keadilan sosial yang diberikan daripada pemerintah kepada masyarakat. Hal ini tidak terkecuali diberikan kepada golongan bukan Islam di wilayah tersebut. Unikinya, bangunan wakaf yang dibina oleh kerajaan 'Uthmaniyyah ini dilihat menjadi pusat kebajikan sosial masyarakat. Malah, terdapat banyak institusi wakaf yang masih berfungsi memberikan perkhidmatan kepada penduduk tempatan terutamanya institusi wakaf pendidikan dan keagamaan.

Kemudahan dan prasarana yang disediakan oleh dana wakaf ini dibina mengikut keperluan masyarakat setempat yang berlainan. Ia disediakan secara percuma sama ada oleh pemerintah, golongan bangsawan, pegawai mahupun rakyat marhaen. Di wilayah Bosnia, binaan wakaf yang sangat signifikan termasuklah jambatan. Antaranya ialah jambatan Klepci yang merentasi Sungai Bregava, Herzegovina. Ia dibina pada tahun 1517M melalui dana wakaf Mustafa Bey Davudpašić.⁴⁸ Begitu juga dengan jambatan Latin di Sarajevo yang dibina merentasi Sungai Miljacka pada tahun 1565M oleh Ajni Ali-Bey.⁴⁹ Seterusnya, dana wakaf juga disalurkan bagi pembinaan jambatan yang paling terkenal di Bosnia & Herzegovina iaitu jambatan Mehmed Pasha Sokolović. Ia dibina pada tahun 1571M-1577M ketika pemerintahan Sultan Suleyman I dengan perdana menterinya, Mehmed Pasha Sokolović. Tambahan pula, ia direka oleh arkitek terkenal 'Uthmaniyyah, Mimar Koca Sinan.⁵⁰ Binaan wakaf seperti jambatan ini memudahkan pergerakan penduduk kerana bentuk geografi Bosnia & Herzegovina yang berbukit bukau dan mempunyai banyak sungai di sekitarnya.

Kewujudan amalan wakaf menjadikan rakyat yang miskin dapat menikmati kemudahan asas kehidupan dengan lebih baik dan ini termasuklah dari sudut pendidikan. Pada tahun 1537M, institusi

⁴² Manuskrip *Muhamedov List, 1638* di Muzium Gereja Fojnica, Bosnia & Herzegovina. Sumber pengkaji pada 6 April 2019.

⁴³ Hak memerintah atau mengurus sendiri; bebas daripada kuasa lain. Sumber: Pusat Rujukan Persuratan Melayu, <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=autonomi>

⁴⁴ Abdul Halim Syihab dan Asmawati Muhamad (2017), "Reviving Wasatiyyah vales for inter-religious harmony in plural societies," *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil. 12, No. 12, h. 17.

⁴⁵ Sarah J. Schlesinger (2011), *The Internal Pluralization Of The Muslim Community Of Bosnia-Herzegovina: From Religious Activation To Radicalization*, Tesis Sarjana, University of Boston, h.22.

⁴⁶ Neşe Özden (2007), "A few remarks on the history of Bosnia," *Osmanlı Tarihi Araştırma ve Uygulama Merkezi Dergisi OTAM*, Bil. 21, No. 21, h. 60.

⁴⁷ M. Vedat Gürbüz (2012), "Ottoman vakıfs: Their impact on Ottoman society and Ottoman land regime," *Sosyal Bilimler Enstitüsü Dergisi*, Bil. 21, No. 1, h. 201-212.

⁴⁸ Ahmed Hadrović (2015), "Bridges in Bosnia and Herzegovina from Ottoman Empire," <https://aab-edu.net/assets/uploads/2016/12/03-2015-EN-07-Ahmet-Hadrovic.pdf>.

⁴⁹ Ibid..

⁵⁰ Ibid..

pendidikan wakaf diwujudkan melalui pembinaan madrasah Gazi Husrev Beg di Sarajevo. Pelbagai mata pelajaran diajarkan di madrasah tersebut seperti sains, matematik, hadith, tauhid, al-Quran dan kesusasteraan.⁵¹ Selain itu, pembinaan *tekke*⁵² yang juga menyediakan dapur awam (*imaret*) bertujuan memberikan makanan percuma kepada golongan miskin turut diwujudkan. Antaranya ialah *tekke* yang dibangunkan oleh dana wakaf Isa-Bey Ishakovic.⁵³ Menurut Omercic,⁵⁴ institusi wakaf memberikan keperluan sosial kepada masyarakat. Malah, melaluinya juga masyarakat Bosnia hidup dengan harmoni sesama mereka tidak mengira latar belakang agama kerana masing-masing mendapat manfaat daripada wakaf yang disediakan.

Kesimpulan

Nilai toleransi agama dan keadilan sosial yang diangkat dalam pemerintahan Islam sejak zaman Rasulullah SAW sentiasa dijadikan contoh dan ikutan pemerintahan Islam selepas baginda sehingga zaman kini. Baginda SAW menjadi pemimpin kepada pelbagai bangsa, suku kaum dan penganut agama yang berbeza di Madinah al-Munawwarah dengan adil dan saksama. Piagam Madinah yang dipersetujui bersama oleh penduduk Madinah menjelaskan bahawa Islam sangat serius dalam menengahkan nilai toleransi agama dan keadilan sosial. Legasi ini kemudiannya diteruskan oleh pemerintah kerajaan 'Uthmaniyyah ke atas wilayah taklukannya di Bosnia. Melalui penguasaan ini bukan sahaja tersebar peradaban 'Uthmaniyyah malah, ia turut memberi ruang untuk agama Islam diperkenalkan kepada masyarakat setempat.

Konsep Islam sebagai agama *rahmatan lil 'alamin* telah ditunjukkan dalam pemerintahan kerajaan 'Uthmaniyyah melalui pengisytiharan deklarasi keamanan '*Ahdname* yang mengangkat nilai toleransi agama dalam masyarakat Bosnia. Manakala, nilai keadilan sosial pula ditunjukkan melalui penubuhan pelbagai institusi wakaf yang bersifat kebajikan kepada semua individu tidak mengira latar belakang hidup. Uniknyanya, walaupun terdapat pertambahan umat Islam pada ketika itu, hak-hak orang Kristian dan agama lain seperti Yahudi untuk tinggal dan hidup aman di wilayah tersebut tidak pernah dinafikan. Hal ini menunjukkan bahawa dalam sesebuah pentadbiran Islam, sifat diskriminasi dan kekerasan tidak boleh dilakukan. Ia boleh memberikan pandangan negatif terhadap agama Islam seterusnya menandatangani ketidakstabilan sesebuah kerajaan.

Kajian ini mempunyai nilai signifikan untuk para pengkaji lain bagi meneliti dari sudut sistem dan polisi kerajaan 'Uthmaniyyah dalam mengekalkan keamanan di wilayah Bosnia & Herzegovina. Begitu juga, pengkaji menyarankan agar penerokaan kajian lain berkaitan kepentingan institusi wakaf di Bosnia & Herzegovina dari sudut proses Islamisasi pada era penguasaan kerajaan 'Uthmaniyyah.

Rujukan

Abdul Halim Syihab dan Asmawati Muhamad (2017), "Reviving wasatiyyah values for inter-religious harmony in plural societies," *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil. 12, No. 12, 13-24.

Abu-Munshar, Maher Y. (2010), "Did 'Umar ibn al-Khattab act against Islam: Banu Taghlib tribe as a case study," *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil. 5, 25-32.

Akgündüz, A. dan Öztürk, S. (2011), *Ottoman History Misperceptions and Truth*, Istanbul: IUR Press.

Balic, S. (1986). Muslims in Eastern and South-Eastern Europe. B1 (29), Spuler Collection. ISTAC Library IUM Kuala Lumpur, 367-368.

Baumann, R.F, Gawrych, G.W. dan Kretchik, W.E. (1952), *Armed peacekeepers in Bosnia*, Kansas: Combat Studies Institute Press.

⁵¹ Adnan Trakic (2012), "The Legal and Administrative Analysis of Waqf in Bosnia and Herzegovina," <http://waqfacademy.org/wp-content/uploads/2013/03/Adnan-Trakic-AT.-Date.-Legal-and-Administrative-Analysis-of-Waqf-in-Bosnia-Herzegovina.-Malaysi.pdf> , h. 6.

⁵² *Tekke* merupakan tempat orang-orang sufi.

⁵³ Islamic Community in Bosnia and Herzegovina Waqf's Directorate (2018), *Waqf in Bosnia and Herzegovina: History, current status prospects* (3rd edition), Sarajevo: Islamic Community in Bosnia and Herzegovina Waqf's Directorate, h. 16.

⁵⁴ Jasmin Omercic (2017), "Waqf in Bosnia and Herzegovina in the 20th and 21st century," *Journal Islam and Civilisation Renewal*, Bil. 9, No.2, h. 351.

Bostan, Z. (2011), *An Analysis On The Ahdname Practice of The Ottoman Unilateral Diplomacy*, Tesis Sarjana, University of Leicester.

Çelik, N. (2010), "The Black Sea and the Balkans under Ottoman rule," *Karadeniz Araştırmaları*, Bil. 6, No. 24, 1-27.

Filipović, E.O. (2017), "The Ottoman conquest and the depopulation of Bosnia in the fifteenth century," dalam Rudić, R. dan Aslantaş, S. (ed.), *State and Society in the Balkans before and after establishment of Ottoman rule*, Belgrade: The Institute of History Belgrade.

Gürbüz, M.V. (2012), "Ottoman vakıfs: Their impact on Ottoman society and Ottoman land regime," *Sosyal Bilimler Enstitüsü Dergisi*, Bil. 21, No. 1, 201-211.

Hadrović, A. (2015), "Bridges in Bosnia and Herzegovina from Ottoman Empire," <https://aab-edu.net/assets/uploads/2016/12/03-2015-EN-07-Ahmet-Hadrovic.pdf>.

<http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=autonomi> [14 September 2019].

Kadrić, S. (2017), "The Islamisation of Ottoman Bosnia: Myths and matters," dalam A.C.S. Peacock (ed.), *Islamisation comparative perspectives from history*, Edinburgh: Edinburgh University Press Ltd.

Khadijah Mohd Khambali Hambali dan Mohd Herzali Mohd Haled (2008), "Toleransi beragama dan amalannya di Malaysia: rujukan kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia," *Jurnal Penyelidikan*, Bil. 27, 81-92.

Inalcik, H. (1954), "Ottoman Methods of Conquest," *Studia Islamica*, No. 2, 103-129.

Inalcik, H. (2000), *The Ottoman Empire: The Classical Age 1300-1600*, London: Phoenix Press.

Inalcik, H. (2017), *The Ottoman Empire and Europe: The Ottoman Empire and its place in European history*, Istanbul: Kronik Books.

Islamic Community in Bosnia and Herzegovina Waqf's Directorate (2018), *Waqf in Bosnia and Herzegovina: History, current status prospects* (3rd edition), Sarajevo: Islamic Community in Bosnia and Herzegovina Waqf's Directorate.

Manuskrip Dokumen Deklarasi Keamanan 'Ahdname Sultan Mehmet II Bosnia di Muzium Gereja Fojnica, Bosnia & Herzegovina. Sumber pengkaji pada 6 April 2019.

Manuskrip *Bujrultija Skender Paše, pisana 1484 (bosanšica)* di Muzium Gereja Fojnica, Bosnia & Herzegovina. Sumber pengkaji pada 6 April 2019.

Manuskrip *Berat-i Šerat 1626* di Muzium Gereja Fojnica, Bosnia & Herzegovina. Sumber pengkaji pada 6 April 2019.

Manuskrip *Muhamedov List, 1638* di Muzium Gereja Fojnica, Bosnia & Herzegovina. Sumber pengkaji pada 6 April 2019.

Minkov, A. (2004), "Conversion to Islam in the Balkan: Kisve Bahası petitions and Ottoman Social Life, 1670-1730," dalam Suraiya Faroqhi dan Halil Inalcik (ed.), *The Ottoman Empire and its Heritage Politics, Society and Economy*, Leiden: Brill.

Mohamad Zarifi bin Haji Mohamad Daud dan Taqwa bt Zabidi (2009), "Petunjuk-petunjuk keadilan sosial," *Jurnal Penyelidikan Islam*, Bil. 22, 117-138.

Omercic, J. (2017), "Waqf in Bosnia and Herzegovina in the 20th and 21st century," *Journal Islam and Civilisation Renewal*, Bil. 9, No. 2, 342-367.

Özden, N. (2007), "A Few Remarks on the History of Bosnia," *Osmanlı Tarihi Araştırma ve Uygulama Merkezi Dergisi OTAM*, Bil. 21, 59-68.

Papp, S. (2009), Ahdname, Ágoston, G. dan Masters, B. (ed.), *The Encyclopedia of The Ottoman Empire*, New York: Facts On File, Inc.

Peferenyi, J. (1975), *The Ottoman Expansion and The Rise of The East-European Centralized States*. P2 (6), Spuler Collection. ISTAC Library IIUM Kuala Lumpur.

Qaradhawi, Y. (1996), *al-Aqaliyyat al-diniyyah wa hal al-Islami*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

Qutb, S. (1993), *al-Adalah al-ijtima'iyyah fi al-Islam*, Beirut: Dar al-Shuruk.

Schlesinger, S.J. (2011), *The Internal Pluralization Of The Muslim Community Of Bosnia-Herzegovina: From Religious Activation To Radicalization*, Tesis Sarjana, University of Boston.

Seyhan, A. (2018), "Conquest of Bosnia in the light of Ottoman chronicles," *Journal of Ottoman Civilization Studies*, Bil. 4, No. 7, 152-161.

As-Siba'ee, Mustafa (2011), *Civilization of Faith Solidarity, Tolerance and Equality in a Nation Built on Shari'ah*, Nasiruddin al-Khattab (terj.), Riyadh: International Islamic Publishing House.

Trakic, A. (2012), "The Legal and Administrative Analysis of Waqf in Bosnia and Herzegovina," <http://waqfacademy.org/wp-content/uploads/2013/03/Adnan-Trakic-AT.-Date.-Legal-and-Administrative-Analysis-of-Waqf-in-Bosnia-Herzegovina.-Malaysi.pdf>.

'Umar Ahmad Kasule (2008), *Pursuit of Human Dignity and Justice: Islamic Alternative Values to Human Right*, Kuala Lumpur: A.S. Nordeen.

Wynne, S.A. (2011), "Multi-confessionalism in medieval and Ottoman Bosnia- Herzegovina," <http://www.culturaldiplomacy.org/culturaldiplomacynews/participant-papers/2011-11-lihrc/MULTI-CONFESSIONALISM-IN-MEDIEVAL-AND-OTTOMAN-BOSNIA-HERZEGOVINA-Mr.-Stephen-A.-Wynne.pdf>

Yunus Uğur (2009), "Edirne," Agoston, G. dan Master, B. (ed), *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, New York: Facts On File, Inc.